

12/03/1997

MSC lindung masa depan negara

KUALA LUMPUR, Selasa - Koridor Raya Multimedia (MSC) perlu diwujudkan bagi mempertahankan kepentingan negara serta menangani era teknologi maklumat yang menjadi asas kehidupan abad akan datang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menjelaskan, MSC boleh digunakan untuk menangkis kemasukan maklumat negatif dari negara lain serta memberi peluang kepada Malaysia membuat `serangan' balas.

Sehubungan itu, beliau mahu rakyat mengikis perasaan rendah diri dan menguasai teknologi maklumat demi mengelakkan mereka menjadi pengguna selama-lamanya.

"Sekarang, kita hidup dalam era dunia tanpa sempadan, kalau kita tidak tahu teknologi maklumat, kita akan diserang maklumat negara lain tanpa memberi peluang untuk kita menangkis atau menyerang mereka dengan maklumat kita.

"Pada masa ini, orang lain boleh kata orang Malaysia duduk di atas pokok dan Perdana Menteri duduk di atas pokok yang besar sekali. Dia boleh cipta gambar saya bekerja atas pokok sambil pegang ranting dengan gambar yang jelas.

"Macam mana kita nak serang mereka kalau kita tidak tahu menggunakan teknologi maklumat. Kita perlu mempunyai kebolehan ini. Saya yakin kita ada kebolehan kerana ramai rakyat kita yang jadi pakar di luar negara. Yang penting, kita jangan rendah diri," katanya pada majlis Taklimat Perdana Mengenai MSC dan Gejala Sosial di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini.

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, pemimpin parti komponen Barisan Nasional, ahli Dewan Rakyat, ahli Dewan Negara, Pergerakan Pemuda Umno serta Pergerakan Wanita Umno.

MSC membabitkan kawasan seluas 15 x 50 kilometer bermula dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang, Putrajaya dan Kuala Lumpur City Centre (KLCC).

Ia dimajukan dengan 2.5 hingga 10 gigabit gentian optik digital membabitkan tujuh aplikasi iaitu kerajaan elektronik; teleperubatan; sekolah pintar; kad pintar; penyelidikan dan pembangunan; web pembuatan seluruh dunia; serta pusat pasaran tanpa sempadan.

Syarikat yang memiliki status MSC layak beroperasi tanpa cukai selama 10 tahun atau mendapat pengecualian cukai pelaburan 100 peratus yang disokong melalui bil jaminan kerajaan.

Dr Mahathir berkata, Malaysia bernasib baik kerana menjadi satu-satunya negara di dunia yang dapat merealisasikan kewujudan MSC tanpa dihalang oleh masalah politik dan sekatan antarabangsa.

Kelebihan itu berpunca dasar kerajaan yang komited untuk memajukan negara serta iklim pelaburan yang dapat menarik pelabur asing ke negara ini. MSC mendapat sokongan pembangkang berbanding negara lain yang bukan saja dihalang malah tidak mempunyai kawasan sesuai untuk melaksanakan idea itu.

"Di sini, melalui Dasar Persyarikatan Malaysia, kita memberi peluang kepada pelabur asing untuk merealisasikan keupayaan mereka dengan bebas serta pada skil yang lebih besar," katanya.

Sementara itu, ketika sesi soal jawab, Perdana Menteri menjelaskan, kerajaan sedar kemungkinan wujud syarikat asing yang melabur dalam MSC berniat mengambil kesempatan daripada pelbagai kemudahan berkenaan.

Bagaimanapun, beliau yakin, melalui garis panduan yang disediakan, negara akan mendapat manfaat terutama pemindahan teknologi serta peluang pekerjaan.

"Kita sedar tidak ada orang yang datang semata-mata untuk menjayakan projek kita melainkan mereka ada kepentingan tetapi ini sebenarnya, terpulang kepada kebijaksanaan kita.

"Selama ini, pelaburan asing mewujudkan peluang pekerjaan yang banyak sehingga 100 peratus rakyat kita mendapat kerja, malah budaya lompat-melompat berleluasa sekarang kerana pilihan amat banyak," katanya.

Beliau bagaimanapun memberi jaminan, kerajaan tidak akan meluaskan pembangunan MSC jika projek perintis itu gagal dan menyebabkan kemasukan gejala yang boleh mengancam kepentingan negara.

(END)